



Wahyu 2





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



"KEMUDIAN ANAK DOMBA ITU MEMECAHKAN
METERAI KELIMA. DI BAWAH MAZBAH AKU NAMPAK
ROH-ROH ORANG YANG MATI TERBUNUH KERANA
MENGISYTIHARKAN FIRMAN ALLAH DENGAN SETIA
MELALUI KESAKSIAN MEREKA."



JANGAN TAKUT, KERANA
SINGA DARI YEHUDA SUDAH
MENANG, DAN KITA AKAN
BERSAMA DIA - HARI INI.

BERTABALAH TUAN
RIDLEY; HARI INI AKAN KITA
NYALAKAN LILIN INI, DENGAN
RAHMAT TUHAN, DI ENGLAND, DAN
SAYA PERCAYA IA TIDAK AKAN
PADAM.



^[1] MATERAI YANG KELIMA MENERANGKAN TENTANG KEKUATAN DAN KUASA
DOA ORANG-ORANG SUCI YANG MEMINTA BALASAN DARI TUHAN.



ALLAHU AKBAR! HANYA ALLAH YANG MAHA BESAR. ORANG KRISTIAN TIDAK DIBENARKAN TINGGAL DI KOTA INI.

YA TUHAN YANG MAHA KUASA, YANG SUCI DAN SETIA! BERAPA LAMA LAGI SEBELUM ENKAU MENGHAKIMI PENDUDUK BUMI DAN MENGHUKUM MEREKA KERANA TELAH MEMBUNUH KAMI? [1]

BEREHATLAH LEBIH LAMA LAGI, SEHINGGA CUKUP BILANGAN RAKAN SEPERJUANGAN DAN SAUDARA SEIMAN YANG AKAN DIBUNUH SEPerti KAMU.



"KEMUDIAN AKU MELIHAT ANAK
DOMBA ITU MEMECAHKAN METERAI
KEENAM. LALU BERLAKULAH GEMPA
BUMI YANG DAHSYAT."^[1]

SEBAHAGIAN PLAT BUMI MULAI
MENGGELONGSOR, MENYEBABKAN
KEMUSNAHAN YANG DASYAT.

TIMPALAH KAMI DAN
SEMBUNYIKANLAH KAMI
DARIPADA PANDANGAN DIA
YANG DUDUK DI ATAS TAKHTA
DAN DARIPADA KEMURKAAN
ANAK DOMBA ITU!^[2]

HARI YANG DAHSYAT
SUDAH TIBA; ALLAH DAN
ANAK DOMBA AKAN
MENGHUKUM KAMI DAN
TIDAK SEORANG PUN AKAN
TERSELAMAT.^[3]

^[1] PELBAGAI KEROSAKAN DI BUMI MULAI MERETAK SERENTAK,
MENYEBABKAN GEMPA BUMI DASYAT YANG BELUM PERNAH TERJADI.

^[2] KEMUNGKINAN BESAR INI DISEBABKAN ABU DAN DEBUAN DI
UDARA AKIBAT LETUSAN GUNUNG BERAPI DISERTAI GEMPA BUMI.
INI JUGA ADA DINUBUATKAN DALAM PERJANJIAN LAMA (YOEL 2:31)

^[3] KEMUNGKINAN BESAR INI MERUJUK KEPADA METEOR BESAR ATAU HUJAN ASTEROID YANG MELANDA BUMI.

^[4] PENDUDUK BUMI AKAN MULAI MENYEDARI PUNCA SEMUA KEJADIAN INI.

^[5] MATERAI KEEMAM BERMULA PADA WAKTU YANG MENURUT PARA NABI "HARI-NYA
TUHAN." LIMA MATERAI YANG PERTAMA MERUPAKAN AKIBAT DARI AKTIVITI MANUSIA,
TETAPI SEKARANG TUHAN MULAI CAMPUR TANGAN SECARA LANGSUNG.



"MATAHARI MENJADI HITAM SEPERTI
KAIN HITAM YANG KASAR, BULAN
MENJADI MERAH SEPERTI DARAH,^[2]
BINTANG-BINTANG JATUH KE BUMI,^[3]
SEPERTI BUAH ARA YANG BELUM
MATANG GUGUR DARI POKOK YANG
DIGONCANG ANGIN KERAS."

"LANGIT HILANG SEPERTI
GULUNGAN NASKAH YANG
DIGULUNG, DAN SEMUA
GUNUNG SERTA PULAU
BERALIH TEMPAT."

"LALU RAJA-RAJA DUNIA, PARA PENGUASA, DAN
PANGlima, ORANG KAYA DAN ORANG BERKUASA
SERTA SEMUA ORANG LAIN, BAIK ABDI MAHUPUN
ORANG BEBAS, MENYEMBUNYIKAN DIRI DI DALAM
GUA-GUA DAN DI CELAH-CELAH BATU DI GUNUNG."

"SETELAH ITU, AKU NAMPAK EMPAT MALAIKAT BERDIRI DI EMPAT PENJURU BUMI, DAN MENAHAN KEEMPAT-EMPAT ANGIN DI BUMI SUPAYA TIDAK BERTIUP DI DARAT ATAU DI LAUT."

"LALU AKU NAMPAK MALAIKAT LAIN MUNCUL DARI TIMUR, MEMBAWA METERAI ALLAH YANG HIDUP."

JANGANLAH
ROSACKAN DARAT,
ATAU LAUT, ATAUPUN
POKOK-POKOK, SEHINGGA
KAMI TELAH MEMETERAI
DAHI HAMBA-HAMBA
ALLAH KITA.

"DARI SETIAP DUA BELAS SUKU ISRAEL,
12,000 ORANG DITANDAI DENGAN METERAI
ALLAH PADA DAHI MEREKA UNTUK
MELAYANI-NYA."^[1]

^[1] MEREKA ADALAH ORANG YAHUDI PERTAMA YANG DISELAMATKAN
KETIKA ISRAEL AKHIRNYA MULAI MENJADI SAKSI ALLAH SEPERTI YANG
TELAH DITETAPKAN DALAM PERJANJIAN LAMA.

144,000 ORANG PENGINJIL YAHUDI INI DIPAKAI DAN DILINDUNGI
TUHAN DENGAN LUAR BIASA UNTUK MENGABARKAN INJIL KE
SELURUH DUNIA KEPADA ORANG YAHUDI DAN BUKAN YAHUDI.

"SETELAH ITU AKU NAMPAK LAUTAN MANUSIA
YANG LUAR BIASA BANYAKNYA DAN TAK TERKIRA."

"MEREKA DARIPADA SETIAP BANGSA, SUKU,
NEGARA, DAN BAHASA.^[1] MEREKA BERTDIRI DI
HADAPAN TAKHTA DAN ANAK DOMBA ITU."

KITA TELAH DISELAMATKAN
OLEH ALLAH KITA, YANG DUDUK
DI ATAS TAKHTA, DAN OLEH
ANAK DOMBA ITU!

^[1] WALAUPUN MASA INI ADALAH KHAS UNTUK
PENGHAKIMAN, IA JUGA MASA KHAS UNTUK
PENYELAMATAN, KERANA RAMAI AKAN MENJADI
PERCAYA PADA MASA PENDERITAAN YANG DASYAT.



AMIN!



AMIN!

PUJIAN, KEMULIAAN,
KEBIJAKSANAAN, KESYUKURAN,
PENGHORMATAN, KEKUASAAN, DAN
KEMEGAHAN BAGI ALLAH KITA
SELAMA-LAMANYA!



^[1] SELAMA TUJUH TAHUN MASA PENGANIAYAAN YANG DASYAT, RAMAI YANG AKAN DISELAMATKAN, MATI SYAHID DAN MASUK KE SYURGA.

^[2] JUBAH MEREKA PUTIH – KRISTUS SUDAH MENYUCIKAN MEREKA DARI DOSA.

"KETIKA ANAK DOMBA ITU MEMECAHKAN METERAI KETUJUH, SYURGA MENJADI SENYAP SELAMA KIRA-KIRA SETENGAH JAM."^[1]



"AKU MELIHAT TUJUH MALAIKAT BERTDIRI DI HADAPAN ALLAH, DAN DIBERIKAN TUJUH BUAH TROMPET."



"SATU MALAIKAT LAIN DIBERIKAN BANYAK KEMENYAN UNTUK DITAMBAHKAN PADA DOA-DOA SEMUA UMAT ALLAH."



"KEMUDIAN MALAIKAT ITU MENGAMBIL PERBARAAN DARI MAZBAH, LALU MELEMPARKANNYA KE ATAS BUMI. LALU GURUH BERGEMURUH, KILAT SABUNG-MENYABUNG, DAN GEMPA BUMI BERLAKU."



"KEMUDIAN TUJUH MALAIKAT YANG MEMEGANG TUJUH BUAH TROMPET ITU BERSEDIA UNTUK MENIUP TROMPET."



^[1] MASA SENYAP INI ADALAH KEKAGUMAN DAN PENANTIAN TERHADAP KEDASAYATAN REALITI PENGHAKIMAN ALLAH YANG BAKAL BERLAKU DI BUMI.



"MALAIKAT PERTAMA MENIUP
TROMPETNYA, LALU HUJAN
BATU DAN API BERCAMPUR
DARAH, TURUN DENGAN
DERASNYA KE ATAS BUMI.



[1] INI MUNGKIN SUATU LETUSAN GUNUNG BERAPI AKIBAT
GEMPA BUMI. WAP DAN AIR YANG TERBEBAS DARI LETUSAN INI
BOLEH TERKONDENSASI MENJADI HUJAN BATU, DIKUTI DENGAN
API LAVA. PENCEMARAN UDARA DAN AIR AKIBAT BENCANA INI
AKAN KELIHATAN MERAH SEPERTI DARAH.



"API YANG DASYAT MEMBAKAR
SEPERTIGA DARIPADA BUMI." ^[1]



"SEPERTIGA DARI SEMUA POKOK
DAN TUMBUH-TUMBUHAN DI
BUMI MUSNAH."


DARI TAKHTA ALLAH,
SUATU BENCANA DITITAHKAN.

"KEMUDIAN MALAIKAT KEDUA
MENIUP TROMPETNYA DAN
SESUATU YANG KELIHATANNYA
SEPERTI GUNUNG BESAR YANG
BERNYALA-NYALA, DILEMPAR KE
DALAM LAUT."^[1]

^[1] INI MUNGKIN SEBUAH METEOR ATAU ASTEROID BESAR
YANG MEMBARA KETIKA MEMASUKI ATMOSFERA BUMI.

^[2] INI MUNGKIN DARI METEOR, ATAU GELOMBANG MERAH AKIBAT PENCEMARAN AIR DARI MIKROORGANISMA –
ATAU MUNGKIN DARAH – MENUNJUKKAN BERTAPA DASYATNYA PENGHAKIMAN-NYA.

^[3] KEMUNGKINAN HENTAMAN SUATU METEOR BESAR YANG MENYEBABKAN
GELOMBANG BESAR LALU MEMUSNAHKAN SEPERTIGA KAPAL-KAPAL.



"SEPERTIGA DARIPADA LAUTAN BERUBAH
MENJADI DARAH; SEPERTIGA DARIPADA SEMUA
MAKHLUK DI LAUT MATI^[2] DAN SEPERTIGA
DARIPADA KAPAL-KAPAL MUSNAH."^[3]



"KEMUDIAN MALAIKAT KETIGA MENIUP TROMPETNYA DAN SEBUAH BINTANG BESAR, YANG BERNYALA-NYALA SEPERTI SULUH, JATUH DARI LANGIT^[1] DAN MENIMPA SEPERTIGA DARIPADA SEMUA SUNGAI DAN MATA AIR DI BUMI."

"NAMA BINTANG ITU 'PAHIT', SEPERTIGA DARIPADA AIR MENJADI PAHIT, DAN BANYAK ORANG MATI KERANA MINUM AIR YANG SUDAH MENJADI PAHIT."

^[1] SUATU JASAD DARI ANGKASA TELAH MASUK DAN HANCUR DI BUMI LALU MENCEMARKAN AIR DI BUMI SEHINGGA MENJADI PAHIT. MELALUI GAMBARAN "BERNYALA-NYALA SEPERTI SULUH", MUNGKIN JUGA ITU SUATU KOMET YANG MENGHEMPAS BUMI.





"KEMUDIAN MALAIKAT
KEEMPAT MENIUP TROMPETNYA.
MATAHARI, BULAN, DAN BINTANG
TERPUKUL, SEHINGGA TIDAK
DAPAT BERSINAR SEPERTIGA
DARIPADA WAKTUNYA."

[1] BANYAK AHLI TEOLOGI PERCAYA BAHAWA JASAD-JASAD DI ANGKASA YANG MENJADI GELAP ITU MENCERMINKAN SEPERTIGA ROH-ROH JAHAT YANG JATUH DARI SYURGA BERSAMA SI IBLIS.



"MATAHARI TIDAK BERSINAR SELAMA
SEPERTIGA DARIPADA SIANG HARI; BULAN
DAN BINTANG TIDAK BERSINAR SELAMA
SEPERTIGA DARIPADA MALAM HARI;" [1]

SUNGGUH MALANG!
SUNGGUH MALANG! SUNGGUH
MALANG SEMUA ORANG YANG
HIDUP DI BUMI APABILA
TERDENGAR BUNYI TROMPET
YANG AKAN DITIUP OLEH TIGA
MALAIKAT LAIN!



KETIKA TROMPET KELIMA
DITIUP, JURANG MAUT
TELAH DIBUKA LALU
KELUARLAH ROH-ROH
JAHAT DALAM BENTUK
BELANG JUTA. NAMUN
ALLAH TETAP MENGAWAL
SEGALANYA.

“KESAKITAN DARI SEKSAAN ITU SEPERTI
SENGATAN KALA JENGKING.”

“SELAMA LIMA BULAN ITU
MEREKA BERUSAHA UNTUK
MATI, TETAPI TIDAK DAPAT...”^[2]

^[1] JANGKA HAYAT BELANG JUTA ADALAH SEKITAR LIMA BULAN
DAN VERSI ROH JAHAT INI MEMPUNYAI JANGKA HAYAT YANG SAMA.

^[2] KERANA TIDAK MAHU SENGSA LAGI, RAMAI YANG
CUBA MEMBUNUH DIRI NAMUN TIDAK BERJAYA.



JANGAN MEROSAK
RUMPUT, ATAU POKOK,
ATAUPUN TANAMAN LAIN. HANYA
ORANG YANG TIDAK BERTANDA-
KAN METERAI ALLAH PADA DAHI
MEREKA BOLEH DISERANG.

KAMU TIDAK BOLEH
MEMBUNUH MEREKA –
KAMU HANYA BOLEH
MENYEKSA MEREKA
SELAMA LIMA
BULAN.^[1]

TOLONG SAYA –
SAKIT SANGAT!

BIARLAH
SAYA MATI –
BIARLAH
SAYA MATI!!

"BELALANG JUTA ITU KELIHATAN SEPERTI KUDA YANG SIAP UNTUK BERPERANG... MUKANYA SEPERTI MUKA MANUSIA... GIGINYA SEPERTI GIGI SINGA..."

"BUNYI SAYAP MEREKA SEPERTI BUNYI KERETA-KERETA KUDA YANG SEDANG MARA BERPERANG."

"ABADON, MALAIKAT JURANG MAUT, MENJADI RAJA MEREKA."^[1]



[1] SEPERTI PARA MALAIKAT, ROH-ROH JAHAT JUGA ADA HIERARKI SENDIRI. ABADON YANG BEERTI "PEROSAK" INI ADALAH PEMIMPIN ATASAN IBLIS DI JURANG YANG TIDAK BERKESUDAHAN, DAN MUNGKIN ADALAH SI IBLIS ITU SENDIRI.



"BENCANA PERTAMA SUDAH LALU.
SETELAH ITU DUA LAGI BENCANA
AKAN DATANG."



[¹¹] SUNGAI EFRAIM MERUPAKAN SALAH SATU DARI EMPAT BATANG SUNGAI YANG MENGALIR MELALUI TAMAN EDEN. SEJAK BABEL, KAWASAN INI TELAH MELAHIRKAN PELBAGAI AJARAN PAGAN DI DUNIA.

[NOTA] BIASANYA MAZBAH ADALAH TEMPAT DI MANA TUHAN MEMBERI JAWAPAN KEPADA UMAT-NYA YANG MENDOAKAN BELAS KASIHAN - TETAPI SEKARANG MAZBAH INI MENJAWAB KEPADA JERITAN DENDAM.



"KEEMPAT-EMPAT MALAIKAT YANG TELAH
DIPERSIAPKAN KHAS BAGI JAM, HARI, BULAN,
DAN TAHUN ITU, UNTUK MEMBUNUH SEPERTIGA
DARIPADA UMAT MANUSIA TELAH DILEPASKAN."

LEPASKANLAH
KEEMPAT-EMPAT MALAIKAT
YANG TERIKAT DI SUNGAI
EFRAT ITU! ^[1]

"AKU DIBERITAHU BAHAWA PASUKAN
BERKUDA ITU BERJUMLAH 200 JUTA."^[1]



IBU SELALU
MENYURUH SAYA
MEMBACA ALKITAB - DAN
BERKATA INI AKAN BERLAKU.
KENAPALAH SAYA INKAR!
INI JAUH LEBIH TERUK
DARI BAYANGAN.

^[1] TENTERA ROH JAHAT DILEPASKAN DAN
MEMBUNUH SEPERTIGA DARI MANUSIA YANG ADA.



TUHAN,
KASIHANILAH AKU -
SEORANG
PENDOSA.



SEPERTIGA
DARIPADA UMAT MANUSIA
TERBUNUH OLEH TIGA
MALAPETAKA ITU: API,
ASAP, DAN BELERANG
YANG KELUAR DARI
MULUT KUDA.



"UMAT MANUSIA YANG TIDAK TERBUNUH OLEH MALAPETAKA ITU, TIDAK MENINGGALKAN BERHALA YANG DIBUAT OLEH MEREKA."

"MEREKA JUGA TIDAK BERHENTI MELAKUKAN PEMBUNUHAN, MENGAMALKAN ILMU SIHIR..."

"...MELAKUKAN PERBUATAN CABUL, DAN MENCURI."

"MEREKA MASIH MENYEMBAH ROH JAHAT DAN BERHALA EMAS, PERAK, GANGSA, BATU, DAN KAYU – DEWA YANG TIDAK DAPAT MELIHAT, MENDENGAR, ATAU BERJALAN."



"KEMUDIAN SATU LAGI MALAIKAT
PERKASA TURUN DARI SYURGA."



^[1] DALAM PERJANJIAN BARU, ADA MISTERI TENTANG SUATU RAHSIA KEBENARAN, YANG TELAH PUN DIUNGKAPKAN MELALUI KRISTUS DAN PARA RASUL. MISTERI INI ADALAH PENYEMPURNAAN TERAKHIR BAGI SEMUA, APABILA ALLAH MAHA BESAR MEMUSNAHKAN PEMBERONTAK DAN PENDOSA LALU MEMBANGUN KERAJAAN SUCI-NYA DI BUMI.



RAHSIAKANLAH
APA YANG
DIKATAKAN OLEH
TUJUH GURUH ITU;
JANGAN TULIS HAL
ITU!



DEMI ALLAH
YANG HIDUP DAN
PENCIPATA SEGALA
SESUATU, MASANYA
TIDAK AKAN
DITUNDA LAGI!


"TETAPI APABILA MALAIKAT
KETUJUH MENIUP TROMPETNYA,
ALLAH AKAN MENYELESAIKAN
RANCANGAN-NYA YANG
DIRAHSIAKAN ITU, SEPERTI YANG
TELAH DIBERITAKAN KEPADA
HAMBA-HAMBA-NYA, PARA NABI."



PERGILAH AMBIL
GULUNGAN NASKHAH
TERBUKA ITU, YANG
DIPEGANG OLEH
MALAIKAT YANG
BERDIRI DI LAUT
DAN DI DARAT.



BOLEHKAH AKU
MENGAMBIL GULUNGAN
NASKHAH TERBUKA
YANG DIPEGANG
KAMU INI?



AMBILLAH DAN
MAKANLAH INI. GULUNGAN
NASKHAH INI AKAN MENJADI
MASAM DI DALAM PERUTMU,
TETAPI MANIS SEPERTI
MADU DI MULUTMU. ^[1]



ENGKAU MESTI
MENGISYTIHARKAN
PERKHABARAN ALLAH
TENTANG PELBAGAI NEGARA,
BANGSA, BAHASA,
DAN RAJA.

^[1] REAKSI FIZIKAL YOHANES MEMAKAN GULUNGAN NASKHAH INI MENCERMINKAN BAGAIMANA ORANG PERCAYA BERTINDAK BALAS KEPADA PENGHAKIMAN ALLAH. SUATU PENANTIAN YANG MANIS AKAN KEMULIAAN TUHAN TETAPI PAHIT MELIHAT KEMURKAAN-NYA KE ATAS ORANG BERDOS.



PERGILAH UKUR RUMAH ALLAH DAN MAZBAH. KIRALAH ORANG YANG BERIBADAT DI RUMAH ALLAH. ^[1]



TETAPI JANGANLAH UKUR HALAMAN DI SEBELAH LUAR.

BAHAGIAN ITU SUDAH DISERAHKAN KEPADA ORANG YANG TIDAK MENGENAL ALLAH YANG AKAN MENGINJAK-INJAK KOTA SUCI ITU SELAMA 42 BULAN. ^[2]



AKU AKAN MENGUTUS DUA ORANG SAKSI-KU YANG MENGENAKAN PAKAIAN BERKABUNG DAN MENGISYTIHARKAN PERKHABARAN ALLAH SELAMA 1,260 HARI.

^[1] RUMAH ALLAH DI YERUSALEM AKAN DIBINA SEMULA DAN PENGUKURAN INI MELAMBAHKAN PEMILIKAN ALLAH.

^[2] ANTIKRISTUS DAN PARA PENGIKUTNYA AKAN MENGUASAI YERUSALEM DAN RUMAH ALLAH ITU. ORANG YAHUDI YANG TERSISA AKAN DILINDUNGI ALLAH DI BELANTARA. (WAHYU 12:6, 14)

"JIKA SESIAPA CUBA MENCEDERAKAN MEREKA, API KELUAR DARI MULUT MEREKA DAN MEMBINASAKAN MUSUH."



"DENGAN DEMIKIAN SESIAPA SAHAJA YANG CUBA MENCEDERAKAN MEREKA AKAN TERBUNUH."

"MEREKA MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENUTUP LANGIT, MENGUBAH AIR MENJADI DARAH, MENIMPAKAN MALAPETAKA SELAMA MEREKA MENGISYTIHARKAN PERKHBARAN ALLAH."¹



^[1] BEBERAPA PEMERHATIAN BERPENDAPAT BAHAWA DUA ORANG NABI INI ADALAH MUSA DAN ELIA.

1. MEREKA MENIMPAKAN MALAPETAKA KEPADA BUMI SEPERTI MUSA, DAN SEPERTI ELIA YANG MEMANGGIL API DARI SYURGA.

2. MUSA DAN ELIA ADA KETIKA YESUS DIPERMULIAKAN DI GUNUNG.

3. KEDUA-DUA NABI INI MENGGUNAKAN PERBUATAN AJAIB UNTUK MEMBANGKITKAN PERTAUBATAN.

4. TRADISI ORANG YAHUDI PERCAYA BAHAWA DUA INDIVIDU INI AKAN KEMBALI SUATU HARI NANTI.

5. KEMARAU INI BERLANGSUNG SELAMA 3½ TAHUN, SAMA SEPERTI YANG MENIMPA ISRAEL PADA ZAMAN ELIA.

6. ELIA DIANGKAT KE SYURGA MANAKALA ALLAH SENDIRI MENGBURKAN MUSA DI TEMPAT DI MANA DIA TIDAK AKAN DITEMUI.



SUPERBIBLE.TV